

Proton perlu bentuk kerjasama global: PM

BH- 21/2/2006

Syarikat patut tingkat prestasi untuk yakinkan rakan kongsi

PENGELUAR kereta nasional Proton Holdings Bhd (Proton) perlu membentuk kerjasama dengan syarikat automotif global bagi meningkatkan kualiti dan kecekapan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kepentingan majoriti dalam Proton tidak akan dijual kepada orang asing kerana ia adalah ikon kebangsaan dan aset rakyat.

Bulan lalu, pengeluar kereta terbesar Eropah Volkswagen AG (VW) mengumumkan menamatkan rundingan bagi membentuk pakatan strategik dengan Proton kerana gagal mendapatkan kawalan pengurusan dalam syarikat usaha sama yang akan dibentuk.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan dalam wawancara dengan agensi berita AP, berkata Proton perlu mencari 'rakan usaha sama' jangka panjang yang boleh menyediakan teknologi termaju bagi berdepan peningkatan saingan pengeluar kereta asing kerana Malaysia sedang membuka sektor automotifnya secara berperingkat.


"Banyak yang perlu dilaksanakan Proton. Ia perlu memperbaiki prestasi kereta keluarannya, memperbaiki enjin dan (membina) keupayaannya.

"Proton perlu menjadi lebih cekap dan ia akan menjadi cekap jika Proton dapat mencari rakan strategik yang benar-benar membantu," katanya ketika ditanya mengenai sama ada Proton perlu mencari rakan kerjasama jangka panjang dengan pengeluar kereta asing untuk terus bertahan.

Kerajaan yang menguasai 43 peratus kepentingan dalam Proton menerusi agensi pelaburannya, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) menentang cadangan menjual Proton kepada pelabur antarabangsa dengan alasan ia adalah ikon nasional dan perlu dipertahankan di bawah penguasaan rakyat tempatan.

"Proton ialah ikon kita, Proton milik rakyat," kata Abdullah.

"Saya fikir tidak ada silapnya untuk sebuah negara memiliki kereta nasional. Orang lain mungkin tidak mahukannya tetapi kami mahukannya atas pelbagai sebab (Proton)



PERLU TEGAS: Abdullah ketika diwawancara mengenai Proton oleh agensi berita AP di kediamannya di Putrajaya.

telah memberikan kami pelbagai kelebihan," katanya.

Abdullah berkata, kegagalan rundingan kerjasama antara Proton dan VW sebahagian besarnya disebabkan syarat ketat ditetapkan VW.

"Orang kata Proton menjadikan-

nya sukar, tetapi VW juga menjadikannya sukar, sebab itulah cadangan 'perkahwinan' itu tidak menjadi," katanya tetapi tidak memberikan butiran lanjut.

Pegawai VW sebelum ini menjelaskan pengeluar kereta keempat ter-

“ Kepentingan majoriti dalam Proton tidak akan dijual kepada orang asing kerana ia adalah ikon kebangsaan dan aset rakyat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

besar dunia itu mahu kepentingan kawalan dalam syarikat usaha sama yang akan dibentuk dan menguasai operasi pengeluaran kereta Proton, seperti model perniagaan Perodua bagi melindungi teknologinya daripada diberikan kepada pihak ketiga.

Sejak rundingan kerjasama itu gagal, Proton telah mengadakan rundingan lain dengan VW berhubung kerjasama dalam bidang teknikal khusus seperti pemasangan sehingga tiga model VW di Malaysia untuk pasaran domestik dan serantau.

Proton turut memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi menghidupkan semula kerjasama teknikal dengan bekas rakan teknikalnya, Mitsubishi Motors Corp (MMC) untuk sama-sama membangunkan model baru.

Bagaimanapun, penganalisis menyandarkan masa depan Proton kepada kepantasannya memeterai pakatan kerjasama dengan pengeluar automotif global bagi menghasilkan kereta berkualiti setanding pengeluar lebih terkemuka seperti Toyota, Honda dan Ford.

Proton dulu menguasai enam daripada setiap 10 kereta yang dijual, terpaksa melihat kedudukan penerajunya terhakis disebabkan kemasukan besar-besaran kereta asing selepas tarif import dikurangkan. -AP